



Sebahagian Ahli Jawatankuasa Pelaksana program kuliah lapangan UniSZA.

UniSZA bincang cabaran pemikiran semasa

Oleh Aslina
Abu Bakar
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Nerus

Persatuan Mahasiswa Usuluddin (PMUS) dan Pusat Pengajian Usuluddin, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak, di sini menjalankan program kuliah lapangan bagi membincangkan isu mengenai cabaran pemikiran semasa.

Kuliah lapangan siri pertama itu disertai 300

pelajar UniSZA termasuk orang awam bagi mengupas isu semasa berkaitan akidah Ahli Sunah Waljamaah khususnya kepada mahasiswa dan generasi muda.

Selain itu, kuliah berkenaan juga memberi pendedahan mengenai penyelewengan akidah dan pemikiran semasa sama ada dari dalam Islam itu sendiri seperti Syiah, Salafi-Wahabi, ajaran sesat, pelampau Ahbash agama atau dari luar Islam seperti liberalisme, pluralisme, sekularisme serta Kristianisasi.

Pengarah Program,

Mohamad Yusuf Ismadi, berkata isu berkenaan perlu dibanteras dengan segera kerana akidah umat Islam dan kesejahteraan negara semakin terancam terutama kepada generasi muda yang menjadi golongan sasaran pelbagai pihak.

Pegangan akidah

Katanya, program berkenaan dapat melahirkan kesedaran mengenai kepentingan mengukuhkan pegangan akidah Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia.

"Program ini juga dapat menyedarkan masyarakat Islam di Malaysia bahawa penyebaran doktrin ajaran

menyeweng mampu mengancam keselamatan dan keamanan negara.

"Selain itu, program ini juga adalah antara usaha menangani isu penyelewengan daripada terus merebak ke dalam masyarakat Islam selain meningkatkan kefahaman mahasiswa dan masyarakat berkaitan isu semasa akidah dan pemikiran Islam masa kini," katanya.

Majlis yang bakal dijalankan sebanyak 15 siri itu dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian Usuluddin (UniSZA), Dr Mohd Safri Ali

PROGRAM INI JUGA DAPAT MENYEDARKAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA BAHAWA PENYEBARAN DOKTRIN AJARAN MENYELEWENG MAMPU MENGANCAM KESELAMATAN DAN KEAMANAN NEGARA"

Mohamad Yusuf Ismadi,
Pengarah Program